

CNS4952

U GB 22-01 00194 BA397

bah

PERHATIAN EDITOR; PEMBETULAN

=====

Dalam berita +Mahathir-Hutang+ harap gantikan perkataan +cukai+ dengan perkataan +hutang+ pada tajuk dan para pertama.

Berikut berita berkenaan yang dibetulkan.

MAHATHIR GESA PELEPASAN HUTANG SELANJUTNYA UNTUK NEGARA MEMBANGUN

Mahathir - Hutang

I

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Pelepasan hutang yang selanjutnya hendaklah ditawarkan kepada negara-negara yang sedia melaksanakan pembaharuan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, jika masalah hutang hendak diselesaikan dengan berkesan, suasana perdagangan antarabangsa yang bebas juga perlu diwujudkan untuk membolehkan negara membangun menggunakan sepenuhnya potensi eksport masing-masing.

Negara maju hendaklah juga melaksanakan dasar-dasar pembaharuan struktural dan ekonomi mikro untuk mengekalkan pertumbuhan dengan mempunyai kadar inflasi dan faedah yang rendah, kata beliau.

+Pengaliran masuk sumber kewangan asing dengan jumlah yang mencukupi juga tidak kurang pentingnya,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika merasmikan Persidangan ke-27 Gabenor-gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) di sini.

Beliau berkata, kedudukan negara-negara membangun yang teruk menanggung beban hutang amatlah sukar, dengan kemungkinan untuk negara-negara berkenaan memulihkan daya maju luaran masih tidak menentu. -- Lagi.

▼22/01/18-50MST

CNS4923

R GB 22-01 00186 BA396

bah

Mahathir - Hutang 2 Kuala Lumpur

Datuk Ser Dr Mahathir berkata, masalah hutang yang masih membelenggu dunia bukan sahaja menjejaskan program pembaharuan yang dilaksanakan oleh negara membangun tetapi juga keupayaan negara berkenaan untuk menarik pelaburan dan pembiayaan asing.

Dalam pada itu, kelembapan aktiviti ekonomi sejagat telah menyebabkan pasaran eksport menjadi lemah dengan kejatuhan harga komoditi dan seterusnya menyebabkan perdagangan pengeluar komoditi merosot.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh tentang dasar perlindungan perdagangan sambil berkata cabaran utama yang dihadapi oleh negara membangun pada tahun 1990-an ialah memastikan perdagangan antarabangsa mengikut sistem terbuka dan kompetitif.

Beliau berkata, langkah-langkah perlindungan perdagangan telah meningkat dan menjadi ancaman utama kepada suasana perdagangan pada masa akan datang.

+Yang tidak kurang menimbulkan kebimbangan ialah kecenderungan untuk mengaitkan isu-isu yang tidak ada kena-mengena dengan perdagangan seperti hak asasi manusia dan alam sekitar.

+Kalangan negara maju berpegang kepada kepercayaan bahawa menggunakan tekanan supaya negara miskin menjadi bertambah miskin akan mendorong negara-negara berkenaan menghormati hak asasi manusia dan memperuntukkan belanja yang besar bagi alam sekitar,+ kata beliau. -- Lagi.

▼22/01/18-24MST

CNS4961

R GB 22-01 00182 BA399

bah

Mahathir - Hutang 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, suasana perdagangan antarabangsa yang bebas membolehkan negara membangun memperluaskan eksport dan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup.

Perdana Menteri juga menegaskan tentang perlunya bagi SEACEN melaksanakan langkah yang lebih munasabah lagi praktikal bagi menilai pencapaian dan prestasi dalam masyarakat dunia.

Beliau mempertikaikan tentang munasabahnya menggunakan Dollar Amerika bagi mengukur pendapatan per kapita sambil berkata Dollar Amerika bukannya matawang yang stabil.

+Apabila nilai dollar kukuh berbanding dengan Ringgit, per kapita kita jatuh dan apabila Dollar merosot, per kapita kita meningkat. Yang lebih menyukarkan lagi ialah Dollar mungkin merosot berbanding Ringgit tetapi Yen mungkin naik.

+Sebagai negara yang 25 peratus daripada perdagangannya ialah dengan Jepun, kita akan mendapati per kapita kita tinggi tetapi kita terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barangan Jepun,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, memandangkan kadar pertukaran yang turun naik yang dalam keadaan tertentu tidak ada kena-mengena dengan prestasi ekonomi, pendapatan per kapita dalam Dollar Amerika tidak mencerminkan keadaan sebenar. -- Lagi.

▼22/01/18-57MST

CNS4973

R GB 22-01 00133 BA400

bah

Mahathir - Hutang 4 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, memandangkan Malaysia berhasrat mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020, taraf hidupnya hendaklah dinilai bukan setakat angka per kapita.

+Rekod kita akan menunjukkan kesinambungan kestabilan politik, kemajuan sosial, keadilan, peningkatan taraf hidup dan memperkukuhkan nilai-nilai moral,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menarik perhatian tentang perlunya negara membangun mempercepatkan kerjasama Selatan-Selatan dalam perdagangan dan pelaburan demi mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Persidangan tiga hari anjuran Bank Negara itu dihadiri oleh sembilan anggota SEACEN iaitu dari Indonesia, Korea, Myanmar, Nepal, Thailand, Singapura, Malaysia, Filipina dan Sri Lanka.

Para gabenor SEACEN bermesyuarat setiap tahun sejak 1966 bagi membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama bagi memupuk kerjasama kewangan di rantau berkenaan. -- Bernama.

▼22/01/19-02MST